



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **30 Dec2021 (Thursday)**

#### **Berita Harian**

Penduduk resah sampah banjir masih berlonggok 1

#### **Utusan Malaysia**

Rumah pondan jadi transit Long Tiger tinggalkan Malayasia 2

#### **Harian Metro**

Mbsa kutip 13800 tan sampah pukal 3

Jumlah mangsa menurun 4

HADIAH BUAT ISTERI 5

#### **Kosmo**

4 negeri diramal banjir bermula esok 6

#### **Sinar Harian**

Khalid Samad tuntutan penjelasan 7

Penduduk risau kesan pembangunan 8

KLIK 9

TH bantu tiga pertubuhan kebajikan 10

JAIS pinda tarikh persekolahan tahun depan 11

#### **Astro Awani**

Bantuan Peniaga Petani Dibawa Ke Mesyuarat Exco 12

#### **Berita Harian Online**

Kutipan sampah pascabanjir di Sepang cecah 1,500 tan 13

Lepas banjir, timbunan sampah pula... 14

Pascabanjir: Lebih 13,000 tan sampah pukal dikutip di Shah Alam 15

Pascabanjir: Lebih 13,000 tan sampah pukal dikutip di Shah Alam 16

#### **KOSMO Online**

Banjir: Tiada ban pecah di Taman Sri Muda 17

RM524,382 cek MPBPJ tidak ditunaikan 18

#### **Malaysiakini Online**

90 laman sesawang k'jaan masih 'tak selamat' lepas 5 bulan pengumuman audit 19

Projek perumahan di pintu air Sri Muda bukan punca banjir - Exco 20

#### **myMetro On-line**

3 negeri catat penurunan mangsa banjir 21

Banjir: Longgokan sampah di Taman Sri Nanding sudah dibersihkan 22

Nafi ban pecah, projek perumahan punca banjir 23

Sampah pukal di Shah Alam, Sepang meningkat 24

#### **Sinar Harian Online**

Angkara longkang pecah, Kajang tenggelam 25

Banjir: 77 ahli Parlimen pembangkang gesa bentuk suruhanjaya khas 26

LBS Foundation sumbang RM20,000 bantu mangsa banjir 27

Pembinaan perumahan di pintu air Sri Muda bukan punca banjir 28

Tiga negeri catat penurunan jumlah mangsa banjir, dua negeri kekal 29



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



### **Utusan Malaysia Online**

Balai polis sekitar Shah Alam diserbu mangsa banjir 30  
Banjir: Tiada ban pecah di Taman Sri Muda 31

### **The Star**

COMPOUND DISCOUNT 32  
Landslides main worry of Ampang Jaya folk 33  
SELVAX BOOSTER 34  
Klang councillors get RM5,000 each to help flood victims 35  
RM66,000 spent on aid distribution in Subang Jaya 36  
Selayang council gets creative in dealing with illegal dumping of rubbish 37  
Group effort 38

### **New Straits Times**

'AID GUIDELINES UNCLEAR' 39  
Drop in number of evacuees in Selangor, Pahang and Negri 40

### **Lite FM**

Selangor Has Denied Allegation That A Construction Project Was The Cause Of The Recent Flood 41  
Selangor Has Denied Allegation That A Construction Project Was The Cause Of The Recent Flood 42

### **Mix FM**

Selangor Has Denied Allegation That A Construction Project Was The Cause Of The Recent Flood 43  
Selangor Has Denied Allegation That A Construction Project Was The Cause Of The Recent Flood (R) 44

### **New Straits Times Online**

Drop in number of flood evacuees in 3 states 45

### **The Malay Mail Online**

Opposition MPs demand special commission to investigate Putrajaya's flood disaster management 46

### **The Star Online**

Floods: Drop in number of evacuees in three states 47

### **China Press**

Disaster victims emotional tightness and scold the cleanup worker; Everyone has worked hard. 48  
Allowed over 20 business items at residential area conduct; Operator must apply to city council. 49

### **Nanyang Siang Pau**

Even though state is not at risk, Selangor still on caution for second wave of floods 50  
Charle : Stop overlooking flood prevention measures, orflooding may become a new normal in Klang 51  
Ng Sze Han : MBSA provides free garbage troughs to put post-flood rubbish 52

### **Guang Ming Daily**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



12 The disaster area cleaned up 3986 tons of garbage



**KERATAN AKHBAR**  
**30 December 2021**

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Penduduk resah sampah banjir masih berlonggok
Muka Surat	:	5

# Penduduk resah sampah banjir masih berlonggok



Penduduk Pangsupuri Andorra, Taman Sri Muda, Shah Alam melintasi timbunan sampah yang dibuang selepas terkesan akibat banjir. (Foto Faiz Anuar/BH)

**PBT diminta angkut segera barang dibuang bimbang jadi punca penyakit**

Oleh Nas Norziela Nasbah, Samadi Ahmad, Norzamira Che Noh dan Mohd Amin Jalil  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mangsa banjir bukan saja menanggung kerugian akibat kemusnahan pelbagai harta benda, malah kini berdepan masalah timbunan sampah pascabencana di kawasan perumahan mereka.

Penduduk Kampung Tengah Puchong yang turut dinaiki air baru-baru ini, Mohd Zainudin Ismail, 58, berkata banyak sampah kesan banjir yang dibuang ketika pelaksanaan kerja pembersihan, masih belum diangkut oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Akibat terbiar lama, beliau berkata, sampah itu mulai mengeluarkan bau tidak menyenangkan sehingga menyebabkan penduduk terganggu.

"Ada sekali saya berjumpa pe-

tugas Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) yang berkaitan dan dia meminta kami meletakkan barangan rosak serta sampah di luar kawasan rumah.

"Rata-rata penduduk memang meletakkan sampah dan barangan rosak di luar kawasan rumah bagi memudahkan lori sampah mengangkutnya.

"Namun hingga kini, banyak sampah masih terbiar. Bukan saja berbau, malah penduduk bimbang akan ancaman penyakit pula jika keadaan itu berlarutan," katanya.

Beliau turut berharap pihak berkaitan dapat memudahkan permohonan bantuan ihsan oleh mangsa banjir, berikutan keangan pergerakan kerana kenderaan mereka rosak akibat banjir, di samping terpaksa beratur panjang untuk mendapatkan cap rasmi penghulu kampung.

Seorang lagi penduduk kampung itu, Noorbaya Mohd Kamal, 55, menzahirkan kebimbangan sama akan ancaman penyakit berjangkit akibat sampah sarap yang terbiar lama selepas banjir.

Beliau berkata, air sampah mencemari banyak tempat, malah gangguan lalat juga semakin banyak.

"Lebih membimbangkan, ada anjing liar mulai mencari makanan dan membuat sebah di ka-

wasan rumah penduduk. Selepas ditenggelami banjir, kesedihan dan kesengsaraan kami ditambah lagi dengan masalah lain," katanya.

Sementara itu di Sepang, kutipan sampah pascabanjir sejak Rabu minggu lalu sudah mencecah 1,500 tan, setakat kelmarin.

Ketua Operasi KDEB Waste Management Cawangan Sepang, Mohd Fauzan Hushim, berkata ketika ini tiga kawasan dijadikan pusat sementara bagi melonggokkan barangan elektrik dan perabot rosak sebelum dihantar ke pusat pelupusan, bagi mengelakkan kesesakan di tempat pembuangan.

Beliau berkata, tiga kawasan terbahit ialah Taman Emas di Dengkil; Taman Lestari Mewah, Jenderam; dan Pusat Perniagaan Medan 120, Bandar Baru Salak Tinggi.

Katanya, jumlah purata pungutan sehari antara 200 hingga 300 tan sampah membabitkan kawasan terkesan banjir, iaitu mening-

kat 10 kali ganda berbanding kurang satu tan pada hari biasa.

"Inisiatif diadakan kerajaan Selangor ini bertujuan mengelak longgokan sampah di kawasan kediaman penduduk serta kesesakan di tapak pelupusan sampah disebabkan banyak lori ke-

luar masuk," katanya.

Justeru, Mohd Fauzan berkata, pihak syarikat meningkatkan kerja kutipan sampah kesan banjir di Sepang dengan menyediakan 33 lori jenis tiga dan lima tan bersama 69 kakitangan, manakala kerja memindahkan sampah pukal di kediaman penduduk turut mendapat bantuan lori Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang).

Di Shah Alam, sebanyak 13,800 tan sampah pukal sudah dikutip Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di beberapa kawasan terjejas banjir, setakat kelmarin.

Ia membabitkan kawasan Taman Sri Muda, Seksyen 25; Padang Jawa; Kampung Kebun Bunga; Kampung Baru Hicom; Kampung Lombong dan Kam-

ping Lanchong Jaya.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, berkata kerja pembersihan masih diteruskan oleh KDEB, kakitangan MBSA serta kontraktor tambahan yang dilantik PBT itu.

"Bagi memudah dan mempercepat kerja pembersihan serta kutipan sampah pascabanjir, MBSA juga mengenal pasti tiga stesen pemindahan sementara sisa banjir di Seksyen 21, Seksyen 34 dan Seksyen 25," katanya kepada BH, semalam.

Dalam pada itu, sebanyak 11 stesen pemindahan sementara dibuka untuk sampah pukal, termasuk di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang, MPSepang dan MBSJ.

Di Seremban, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Nege-ri Sembilan merekodkan 1,151 tan metrik pukal janaan sisa pejal pascabanjir, setakat kelmarin.

Pengarahnya, Mohd Zahir Shari, berkata jumlah itu membabitkan empat daerah terjejas teruk akibat banjir, baru-baru ini, iaitu Seremban, Port Dickson, Rembau dan Jeletu.



Mohd Zainudin Ismail





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 30 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Rumah pondan jadi transit Long Tiger tinggalkan Malaysia
Muka Surat	:	11

# Rumah pondan jadi transit Long Tiger tinggalkan Malaysia

Oleh **OTHMAN YAHAYA dan MOHAMAD FAIZAL HASHIM**  
 utusannews@mediamula.com.my

**SUNGAI PETANI:** Rumah pondan di Jalan Kuala Ketil di sini dipercayai menjadi lokasi transit Long Tiger untuk meninggalkan negara ini sama ada ke Indonesia atau Thailand.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, lelaki itu atau nama sebenarnya, Abdul Hamim Ab. Hamid, 32, disyaki menunggu masa sesuai untuk meninggalkan negara ini menerusi sempadan Kedah atau Perlis.


Bagaimanapun, menurut beliau, Long Tiger etnik Rohingya tidak akan pulang ke Myanmar.

Menurut beliau, Long Tiger mengenali pondan berkenaan menerusi Facebook setahun lalu.

Sementara itu, beberapa penduduk yang ditemui di sekitar rumah tempat Long Tiger ditahan mendakwa pernah ternampak kelibat individu menyerupai Long Tiger sejak kira-kira 10 hari lalu.

Penduduk yang mahu dikenali sebagai Salmah berkata, rumah sewa berpagar sebelum ini sering dikunjungi rakan-rakan pondan yang turut ditahan terutamanya pada waktu malam.

"Kebiasaannya, rumah itu mula dipenuhi rakan pondan terbahit menjelang senja dan



**RUMAH** disewa pondan di Jalan Kuala Ketil, Sungai Petani tempat Long Tiger ditahan polis kelmarin.

gan pintu dan tingkap dibiarkan terbuka selain sebahagian besar lampu di dalam rumah itu dihidupkan.

"Bagaimanapun, sejak 10 hari lalu, rumah itu tidak lagi meriah selain kerap berkunci dan hanya lampu di dapur dibiarkan bernyala," katanya semalam.

Seorang lagi yang enggan dikenali berkata, dia sering melihat pondan itu keluar menaiki motosikal sambil dibonceng lelaki menyerupai Long Tiger sekitar pukul 1 pagi setiap hari.

"Tingkah laku mereka seperti dalam ketakutan dengan pondan itu akan keluar dari rumah terlebih dahulu sambil memerhatikan sekeliling sebelum diikuti lelaki yang sering memakai topi keledar bertutup penuh," ujarnya.


Katanya, dia turut hairan apabila anak lelakinya yang berusia 11 tahun beberapa kali memberitahu dia dilarang oleh pondan itu bermain di sekitar rumahnya.

"Sebelum ini, kanak-kanak di sini bebas bermain di mana

sahaja kerana kampung ini hanya mempunyai 10 buah rumah penduduk keturunan Melayu, tiga buah keluarga India manakala keluarga Cina banyak mendiami di laluan masuk utama ke sini.

"Akhirnya, terbukti apabila pihak polis berjaya menahan Long Tiger bersembunyi di rumah pondan terbabit," katanya.

Kampung tersebut terletak di belakang Pekan Cina Lama di Jalan Kuala Ketil dan hanya kira-kira dua kilometer dari pekan Sungai Petani.



### Kes-kes jenayah Long Tiger

- Pemerasan bawah Seksyen 388 Kanun Keseksaan
- Dua kes rogol bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan
- Dua kes fitnah dan sebar berita palsu bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan/ Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
- Dua kes mengugut dan mencederakan bawah Seksyen 506/323 Kanun Keseksaan
- Kes ugut dan kurung bawah Seksyen 506/342 Kanun Keseksaan
- Ugut bunuh dan khianat bawah Seksyen 507/427 Kanun Keseksaan
- Kes ugut guna senjata bawah Seksyen 506/7 (1) Akta Bahan Kakistan Letupan dan Senjata Bahaya 1958
- Kes lari tahanan polis bawah Seksyen 223/224 Kanun Keseksaan



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>30 December 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Mbsa kutip 13800 tan sampah pukat
Muka Surat	:	6

**Shah Alam:** Sebanyak 13,800 tan sampah pukat dikutip Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di beberapa kawasan terjejas banjir sehingga kelmarin.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, memaklumkan kerja pembersihan masih dilakukan ketika ini oleh KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM), kakitangan MBSA serta kontraktor tambahan yang dilantik pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

"Setakat semalam (kelmarin), dianggarkan 13,800 tan sampah pukat banjir sudah dikutip memabatkan kawasan Taman Sri Muda, Seksyen 25; Padang Jawa; Kampung Kebun Bunga; Kampung Baru Hicom; Kampung Lombong dan Kampung Lanchong Jaya.

"Bagi memudah dan mempercepatkan kerja pembersihan serta kutipan pasca banjir, MBSA mengenal pasti tiga stesen pemindahan sementara (*transfer station*) sisa banjir di Seksyen 21, Seksyen 34 dan Seksyen 25," katanya.

Sebelum ini, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Za-

## MBSA kutip 13,800 tan sampah pukat



SEBUAH jengkaut melakukan pembersihan sampah sarap akibat bencana banjir ketika tinjauan di Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam, semalam.

mani Ahmad Mansor meletakkan jangkaan dua minggu menyelesaikan kerja pembersihan serta kutipan sampah pukat pasca banjir di daerah ini.

Dalam pada itu, sebanyak 11 stesen pemindahan sementara dibuka untuk sampah pukat bagi mempercepatkan usaha pembersihan

sampah pasca banjir di negeri ini.

Selain di kawasan pentadbiran MBSA, stesen pemindahan berkenaan turut dibuka di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang (MPKj); Majlis Perbandaran Sepang (MPSe-

pang) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

Sementara itu di Sepang, kutipan sampah meningkat kepada 1,500 tan mulai Rabu minggu lalu hingga kelmarin. Ketua Operasi KDEBWM Cawangan Sepang, Mohd Fauzan Hushim berkata, ketika ini tiga kawasan



MBSA mengenal pasti tiga stesen pemindahan sementara (*transfer station*) sisa banjir di Seksyen 21, Seksyen 34 dan Seksyen 25"

### Shahrin

dijadikan sebagai pusat pemindahan sementara bagi melonggokkan barangan elektrik dan perabot yang rosak sebelum dihantar ke kawasan pusat pelupusan bagi mengelak kesesakan di tempat pembuangan.

Menurutnya, tiga kawasan itu terdiri daripada Taman Emas di Dengkil, Taman Lestari Mewah, Jenderam dan Pusat Perniagaan Medan 120 Bandar Baru Salak Tinggi (BBST).

Katanya, secara purata pungutan sehari antara 200 hingga 300 tan memabatkan kawasan terkesan dan meningkat 10 kali ganda berbanding kurang daripada satu tan pada hari biasa.





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>30 December 2021</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Jumlah mangsa menurun
Muka Surat	:	8

**Kuala Lumpur**

Tiga negeri iaitu Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan mencatatkan penurunan mangsa banjir yang berlindung di pusat pemindahan sementara (PPS) semalam manakala Melaka dan Kelantan, jumlah mangsa banjir tidak berubah yang semuanya membabitkan 9,000 individu.

Sementara itu di Sabah, hujan lebat berterusan sejak lewat malam kelmarin mengakibatkan kejadian banjir kilat di beberapa kawasan di Sipitang pagi semalam.

Di Selangor, Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari menerusi ciapan di Twitter rasminya memaklumkan setakat jam 8 pagi semalam 2,218 mangsa banjir masih ditempatkan di 17 PPS di

# Jumlah mangsa menurun

3 negeri catat pengurangan mangsa di PPS, beberapa kawasan di Sipitang banjir

**2,218**  
 Mangsa banjir masih ditempatkan di 17 PPS di Selangor

negeri ini, menurun berbanding malam kelmarin iaitu 2,387 mangsa di 19 PPS.

Polis Selangor memaklumkan enam jalan ditutup untuk laluan kenderaan ekan dinaiki air membabitkan jalan di Jambatan FT 31 Dengkil - Banting, Jalan Kg Kalong Tengah, Ulu Yam Ba-

ru dan Jalan Genting Peras - Kuala Klawang.

Selain itu Jalan Kuala Kubu Bharu - Bukit Fraser menghala ke Peretak dibuka untuk kenderaan ringan sahaja manakala Jalan PJU 7, di hadapan MRT, Mutiara Damansara berlubang akibat banjir dan jambatan jalan menghala ke Lapang Sasar, Subang rosak akibat banjir.

Di Pahang, kemas kini di aplikasi Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tengah hari semalam melaporkan 7,201 mangsa banjir berada di 60 PPS berbanding

7,730 di 71 PPS pagi semalam dengan Temerloh merekodkan jumlah mangsa paling ramai diikuti Pekan, Bentong, Maran, Kuantan dan Bera.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pahang melaporkan 10 jalan ditutup di beberapa lokasi antaranya Jalan Kuantan-Segamat di Pekan, Jalan Kuala Lipis-Jerantut (Jerantut), Jalan Bentong-Gua Musang (Lipis), Jalan Sungai Lembing (Kuantan) dan Jalan Temerloh-Jerantut (Temerloh).

Di Negeri Sembilan data terkini aplikasi Info Bencana

JKM menunjukkan jumlah mangsa banjir berlindung di dua PPS 36 mangsa dari 12 keluarga menurun berbanding 43 individu daripada 14 keluarga pagi semalam.

Di Kelantan jumlah mangsa banjir kekal 54 orang daripada 15 keluarga membabitkan satu PPS iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Tok Deh di Pasir Mas, setakat 12 tengah semalam.

Jumlah mangsa banjir turut kekal di Melaka dengan 26 orang daripada lapan keluarga setakat jam 12 tengah hari semalam.

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam (APM) Melaka Lt Kol (PA) Cuthbert John Martin Quadra berkata, hanya PPS Sekolah Kebangsaan Penghulu Benteng di Jasin dibuka bagi menempatkan semua mangsa.

Di Sabah Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamatan Malaysia (JBPM) Sabah Misran Bisara berkata, 11 mangsa di Kampung Pantai, Sindumun di Sipitang diselamatkan selepas terperangkap di rumah mereka dalam kejadian banjir itu.







<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>30 December 2021</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	4 negeri diramal banjir bermula esok
Muka Surat	:	4

Orang ramai diminta sentiasa waspada dengan amaran dan arahan dikeluarkan

## 4 negeri diramal banjir bermula esok

Oleh HARRITH HISHAM dan AIMUNI TUAN LAH

**PETALING JAYA** – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) meramalkan kejadian banjir di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor susulan amaran hujan berterusan yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) semalam.

JPS dalam satu kenyataan berkata, bencana itu dijangka bermula pukul 8 malam pada 31 Disember di Kelantan iaitu Lembangan Sungai Kelantan membabitkan daerah Gua Musang, Kuala Krai, Jeli, Tanah Merah dan Machang, manakala Lembangan Sungai Golok melibatkan Tanah Merah (Jenob) dan Pasir Mas (Rantau Panjang).

"Turut dijangka bermula pada tarikh yang sama di Terengganu melibatkan Lembangan Sungai Besut dan Sungai Terengganu.

"Di Pahang, kejadian itu dijangka bermula pada 1 Januari 2022 melibatkan Maran, Temerloh, Jerantut, Kuantan dan Rompin, manakala di Johor membabitkan kawasan sekitar Mersing," katanya semalam.

JPS turut menasihati penduduk di kawasan tersebut untuk berwaspada dan peka dengan arahan pihak berkuasa.

"Orang ramai boleh mendapatkan maklumat dan amaran semasa melalui laman web [publicinfo banjir.water.gov.my](http://publicinfo banjir.water.gov.my) atau di Facebook [PublicInfoBanjir](https://www.facebook.com/PublicInfoBanjir) dan Twitter [@JPS\\_InfoBanjir](https://twitter.com/JPS_InfoBanjir)," jelasnya.



**ORANG** ramai diingatkan berwaspada terhadap amaran banjir yang dikeluarkan pihak berkuasa bagi mengelakkan sebarang musibah seperti kehilangan nyawa. – GAMBAR HIASAN



**BANGSAL** buluh sementara yang dibina oleh penduduk Orang Asli Bateq di Kampung Pasir Linggi, Gua Musang. – AIMUNI TUAN LAH

Sementara itu, di **Gua Musang**, masyarakat Orang Asli suku kaum Bateq di Kampung

Pasir Linggi, Pos Lebir membina lebih 40 bangsal buluh sebagai penempatan sementara di atas

bukit bagi menghadapi banjir.

Penghulu Kampung Pasir Linggi, Harun Ismail berkata, seramai 98 Ketua Isi Rumah (KIR) sudah membuat persiapan dengan bergotong-royong membina bangsal itu minggu lalu.

Katanya, persiapan itu dibuat setiap tahun kerana sekiranya hujan berterusan mereka sering terputus hubungan apabila jambatan kampung tenggelam, selain masih lagi trauma dengan bencana banjir besar yang berlaku tujuh tahun lalu.

"Kami membina bangsal sementara menggunakan buluh dan kayu hutan sejak minggu lalu. Setiap satunya boleh memuatkan antara dua hingga tiga keluarga," katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Seorang penduduk, Abdul

### Bilangan mangsa banjir

<b>SELANGOR</b>	
• Bilangan mangsa	<b>4,139</b>
• Bilangan PPS	<b>22</b>
<b>KELANTAN</b>	
• Bilangan mangsa	<b>42</b>
• Bilangan PPS	<b>1</b>
<b>PAHANG</b>	
• Bilangan mangsa	<b>6,319</b>
• Bilangan PPS	<b>48</b>
<b>MELAKA</b>	
• Bilangan mangsa	<b>26</b>
• Bilangan PPS	<b>1</b>

<b>NEGERI SEMBILAN</b>	
• Bilangan mangsa	<b>29</b>
• Bilangan PPS	<b>2</b>
<b>Jumlah keseluruhan mangsa banjir</b>	
	<b>10,555</b>
<b>Jumlah keseluruhan PPS</b>	
	<b>74</b>

(Data info@mcrcno.kkm setakat pukul 5 petang)

Razak Salleh, 56, berkata, mereka sudah bersiap sedia menghadapi banjir termasuk menyimpan bekalan makanan pada Oktober hingga Disember setiap tahun.

"Jarak perkampungan mereka yang hampir 100 kilometer dari bandar Gua Musang menyebabkan anggota keselamatan sukar memberi bantuan sekiranya berlaku kecemasan atau bencana," katanya.



## KERATAN AKHBAR 30 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Khalid Samad tuntutan penjelasan
Muka Surat	:	2

### Khalid Samad tuntutan penjelasan

**SHAH ALAM** - Bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad meminta semua pihak yang terlibat dengan kelulusan pembangunan di enam kolam takungan banjir di Kuala Lumpur tampil memberikan penjelasan lanjut.



**KHALID ABD SAMAD**

Menurutnya, kelulusan berkenaan tiada dalam pengetahuannya memandangkan beliau tidak terlibat dalam membuat keputusan berkenaan, namun penjelasan mengenai kewajaran di sebalik keputusan itu harus diberikan.

“Pihak-pihak yang terlibat boleh memberikan penjelasan, apa alasan atau pertimbangan sehingga kelulusan itu diberikan.

“Mungkin pada ketika itu Terowong SMART (Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir) sudah ada, jadi topografi dan hidrologi sudah berubah atau mungkin pada masa itu, kolam takungan jadi tidak sepenting ini lagi, itu saya tidak tahu.

“Dalam setiap pembangunan yang ingin dilakukan, kelulusan itu mesti bergantung kepada penilaian teknikal dari semua aspek.

“Mungkin dari aspek ini ia sudah diberikan kelulusan oleh pihak yang berautoriti termasuklah pihak yang membuat kajian,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 yang kembali tular di media sosial, susulan pendedahan laporan enam kolam takungan banjir di Kuala Lumpur telah diluluskan untuk tujuan pembangunan.

Khalid yang juga Ahli Parlimen Shah Alam berkata, bagi menjawab persoalan ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan konsultan yang terlibat serta pihak pemaju mesti memberikan penjelasan sewajarnya agar isu ketelusan dalam kelulusan ini terjawab.

Namun, jika berlaku pelanggaran atau unsur penyalahgunaan kuasa, pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia perlu melakukan siasatan.





<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>30 December 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Penduduk risau kesan pembangunan
Muka Surat	:	3

# Penduduk risau kesan pembangunan

Kolam takungan tak capai sasaran sebenar

Oleh NORAFIZA JAAFAR dan RAIHAM MOHD SANUSI

**KUALA LUMPUR**

**K**olam takungan yang sepatutnya dibangunkan bagi tujuan tebatan banjir tidak mencapai objektif apabila sebahagian kawasan tersebut ditukar kepada projek pembangunan.

Bekas Pengerusi MC Villamas 1, Vincent Yap berkata, situasi tersebut berlaku di kolam takungan Nanyang. Wahyu dan Delima di sini selepas dua projek perumahan mega dibangunkan di kawasan tersebut.

Menurutnya, salah satu projek telah siap dan diduduki pada 2017 manakala satu lagi projek dalam pembinaan selain beberapa kawasan lagi dalam proses pembangunan.

"Penduduk telah menyuarakan kebimbangan terhadap pembangunan dan kesan terhadap alam sekitar. Bantahan juga dikemukakan kepada DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) tetapi kebenaran perancangan masih diluluskan."

"Suara kami tidak didengari



Vincent menunjukkan paras limpahan air pada kolam Delima sewaktu Lembah Klang dilanda hujan berterusan selama dua hari bermula 27 Disember lalu.

dan perbincangan bersama pihak berwajib juga tiada tindakan sehinggalah banjir melanda 18 Disember lalu. Banyak pihak mula membuka mata mengenai pentingnya sistem saliran dan kolam takungan banjir berfungsi sepenuhnya," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Anak jati Sentul itu memberitahu, kolam takungan Nanyang, Wahyu dan Delima yang dibangunkan bagi saliran ke Sungai Jinjang itu melimpah ketika hujan berterusan selama dua hari.

"Mujur kawasan ini tidak mengalami banjir teruk seperti

di Shah Alam dan Seri Muda, Selangor," ujarnya.

Katanya, pihak berkepentingan termasuk DBKL serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) perlu mengadakan perbincangan secara teliti berhubung perkara itu.

Tambahnya, sebagai penduduk beliau bimbang kejadian di Seri Muda akan berlaku di Kuala Lumpur.

"Saya masih ingat hasrat seorang Datuk Bandar Kuala Lumpur mahu menjadikan Kuala Lumpur sebagai *KL City* yang bandar berkelas dunia.

"Bandar berkelas dunia itu bukan pakai nama sahaja tetapi perlu ada sistem pengurusan yang berkualiti. Jangan *KL City* gah pada pembangunan tapi apabila hujan menjadi *flood city*," katanya.



Kolam takungan Nanyang.



Kolam takungan Delima.

Sementara itu, Pengerusi Badan Pengurusan Bersama Lakeville Residence, Law Chow Kuan berkata, hujan berterusan baru-baru ini menyebabkan limpahan air dari kolam Delima ke tebing kawasan perumahan yang didudukinya.

"Kawasan rumah kami turut terjejas namun tidak serius. Sebagai penduduk pastinya kami risau dan berharap ada tindakan awal bagi mengelak kejadian yang lebih serius.

"Projek pembangunan akan

datang di sekitar kolam takungan ini juga membimbangkan kami. Kami tidak tahu apa akan terjadi selepas projek itu siap nanti," katanya.

Beliau turut meluahkan kekusaran susulan kolam takungan itu dipenuhi sampah dan pernah dibangkitkan sebelum ini.

"Kolam tersebut mempunyai sistem *filter* sampah dan sampah banyak terkumpul. Itu juga salah satu punca berlaku limpahan air selain faktor hujan berterusan pada hari kejadian," ujarnya.



CHOW KUAN



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 30 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	KLIK
Muka Surat	:	10



**[KLIK]**

**SUMBANGAN | LBS Foundation** diwakili oleh Amal Abdul Aziz (kanan) menyerahkan replika cek sumbangan sejumlah RM20,000 kepada Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari untuk Tabung Ikhtiar Selangor Bangkit di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam sebagai tanda sokongan dan prihatin kepada mereka yang terjejas akibat banjir.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 30 December 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	TH bantu tiga pertubuhan kebajikan
Muka Surat	:	19

# TH bantu tiga pertubuhan kebajikan Salur sumbangan zakat sebanyak RM145, 443

Oleh HIDAYAH HAIROM  
 Foto ASRIL ASWANDI ABD SYUKOR

Tiga pertubuhan kebajikan terpilih sebagai penerima zakat daripada Lembaga Tabung Haji (TH) dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM145, 443.

Pertubuhan itu terdiri daripada Pusat Jagaan Siti Nor Aini, Kajang; Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa, Puchong dan Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras dengan masing-masing menerima bantuan zakat berjumlah RM48,481.

Pengurus Kanan Tanggungjawab Korporat TH, Ekma Faroza Kamarudin berkata, pemilihan penerima adalah berdasarkan maklumat lengkap yang diberikan kepada TH oleh pertubuhan seperti mempunyai sijil pendaftaran dengan pihak berwajib, tujuan permohonan, penerima manfaat dan jumlah bilangan penghuni yang dijaga.

Menurutnya, dengan sumbangan zakat itu diharap mampu mengurangkan beban pengurusan bagi menyantuni penghuni-penghuni yang terdiri dalam kalangan asnaf.

"Sumbangan pada kali ini adalah dibuat dengan kerjasama daripada pihak Sinar Harian dalam mengenal pasti pertubuhan yang perlu salurkan bantuan dengan menggunakan sumbangan Zakat Wakalah TH."

"Jumlah penerima sumbangan Zakat Wakalah TH setiap tahun bergantung kepada Jawatankuasa Pemilihan diperingkat TH yang turut dianggotai oleh wakil dari Lembaga Zakat Selangor"

Hadir sama, Timbalan Pengerusi



Ekma Faroza (tiga dari kanan) bersama Muhammad Nasir (tiga dari kiri), Rozaid (dua dari kiri) dan wakil-wakil penerima pada Majlis Penyerahan Sumbangan Zakat oleh TH di Auditorium Sultan Muhammad V Kumpulan Media Karangkraf, pada Selasa.

Kumpulan Media Karangkraf, Datuk Muhammad Nasir Hamzah dan Ketua Pengarang Kumpulan Sinar Harian, Rozaid Rahman.

Sementara itu, Muhammad Nasir berkata, usaha yang dilaksanakan oleh TH itu disambut baik dan dialu-alukan ketika masyarakat sedang berdepan dengan kesusahan akibat bencana banjir dan juga pandemik Covid-19.

Katanya, ia wajar menjadi ikutan kepada organisasi lain agar lebih ramai golongan asnaf dapat dibantu untuk keluar daripada masalah kesempitan hidup yang dialami.

"Jika lebih banyak organisasi seperti TH boleh datang membantu pertubuhan seperti penerima hari ini, ia lebih baik supaya dapat atasi masalah golongan yang memerlukan."

"Bank-bank perdagangan juga dialu-alukan untuk sama-sama membantu kerana mereka ini menjana keuntungan yang besar," katanya.

### Sumbangan bermakna

Sementara itu, wakil daripada Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras, Jamaliah Wahab bersyukur terpilih sebagai penerima zakat TH pada tahun ini.

Katanya, bantuan berkenaan akan digunakan untuk keperluan pembukaan sekolah tahun hadapan bagi 110 penghuni di bawah jagaan mereka.

"Saya amat berbesar hati kerana TH sudi berkongsi rezeki dengan kami," ujarnya gembira.

Setiausaha Pusat Jagaan Siti Nor Aini, Kajang, Nor Razneil Maikal turut menzahirkan kesyukuran di atas sumbangan zakat yang diterima.

Menurutnya, sumbangan berkenaan akan dimanfaatkan untuk kegunaan 41 orang penghuni warga emas lelaki di bawah pusat jagaan berkenaan.

"Ini merupakan sumbangan

terbesar buat kami pada tahun ini. Tumpuan kami pada masa ini adalah untuk keperluan barangan runcit dan barangan basah termasuk pembayaran bil-bil utiliti," katanya.

Nada sama turut diluahkan oleh Pengerusi Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa, Puchong, Amran Khalid yang menyifatkan sumbangan berkenaan paling bermakna bagi pertubuhan mereka.

"Saya amat berterima kasih kepada TH dan Sinar Harian yang memilih kami sebagai penerima. Sumbangan ini amat bermakna kerana kami masih belum menerima sebarang sumbangan tetap korporat," katanya.

Beliau berkata, rezeki berkenaan akan digunakan sepenuhnya untuk keperluan penghuni khususnya kos pembayaran yuran pengajian tahfiz, keperluan persekolahan anak-anak yatim, ibu tunggal dan muafaf.



Sumbangan zakat sebanyak RM48,481 disampaikan oleh Ekma Faroza (kanan) diiringi Rozaid (kiri) kepada Nor Razneil.



Amran mewakili Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa, Puchong menerima sumbangan zakat TH.



Rumah Kasih Harmoni Paya Jaras turut menerima sumbangan zakat TH yang disampaikan oleh Ekma Faroza (kanan) dan Rozaid (kiri).





## **KERATAN AKHBAR** **30 December 2021**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	JAIS pinda tarikh persekolahan tahun depan
Muka Surat	:	23

# **JAIS pinda tarikh persekolahan tahun depan**

**SHAH ALAM** - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) membuat ketetapan pindaan tarikh permulaan sesi persekolahan penggal tiga, 2021/2022 yang dijadualkan pada 3 Januari kepada 10 Januari tahun depan.

Pengarahnya, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, pindaan itu selaras dengan kenyataan media Menteri Kanan Pendidikan Datuk Dr Radzi Jidin pada Jumaat lalu.

Bagaimanapun, katanya, bagi sekolah terjejas akibat banjir dan dijadikan pusat pemindahan sementara (PPS) boleh dipertimbangkan untuk menangguhkan sesi persekolahan penggal tiga, 2021/2022 dengan kelulusan jabatan.

“Selaras dengan pindaan tarikh pengoperasian sekolah, pelaksanaan Ujian Kelayakan Khas (UKK) bagi pemilihan murid ke Tingkatan 1 Sekolah Agama Menengah (SAM), Sekolah Agama



**MOHD SHAHZIHAN**

Menengah Tinggi (SAMT) dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) dipinda dari 15 Januari kepada 29 Januari tahun depan.

“Bagi pelaksanaan peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA), Sijil Menengah Agama Tahfiz Al-Quran (SMATQ) dan Sijil Menengah Agama Turath dan Dakwah (SMATD) adalah dikekalkan

sebagaimana dijadualkan 17 Januari tahun depan,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, tarikh pelaksanaan kerja kursus atau folio (tilawah) dan Ujian Syafawi untuk SMA, SMATQ dan SMATD yang dijadualkan pada 10 Januari hingga 11 Februari tahun depan dipinda kepada 17 Januari hingga 18 Februari tahun depan.

“Jabatan berharap semua sekolah dapat memulakan sesi persekolahan penggal tiga, 2021/2022 dalam keadaan kondusif dan selamat,” jelasnya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**30 December 2021**

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Bantuan Peniaga Petani Dibawa Ke Mesyuarat Exco
Muka Surat	:	-



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991




<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Kutipan sampah pascabanjir di Sepang cecah 1,500 tan
Muka Surat	:	-



Berita  
 Sukan  
 Dunia  
 Hiburan  
 Bisnes  
 Rancangan  
 Wanita  
 Hujung Minggu  
 BH Kapsul  
 COVID-19 VAKSIN  
 PIN Sarawak

5x8



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi  
 Disclaimer





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Lepas banjir, timbunan sampah pula...
Muka Surat	:	-



Berita  
 Sukan  
 Dunia  
 Hiburan  
 Bisnes  
 Rancangan  
 Wanita  
 Hujung Minggu  
 BH Kapsul  
 COVID-19 VAKSIN  
 PIN Sarawak

Bhd

**BH ONLINE**  
 RUTU KAMAR DE

**BH**  
 App Store  
 Google Play

**BH**  
 App Store  
 Google Play

**BERITA**  
 BHPPLUS  
 Nasional  
 Kaseh  
 Politik  
 Pendidikan  
 Wilayah

**SUKAN**  
**DUNIA**  
**HIBURAN**  
**BISNES**  
**RENCANA**  
**WANITA**  
**HULJUNG MINGGU**  
**MULTIMEDIA**  
 Foto  
 BHTV  
 Infografik

**LANGGAN**  
 Akhbar Digital  
 Akhbar BH

**PERKHIDMATAN**  
 Iklan Web  
 Iklasiifieds  
 NSTP KLIK

**RADIO**  
 Hot FM  
 Buletin FM  
 Fly FM  
 8FM

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi  
 Disclaimer



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Pascabanjir: Lebih 13,000 tan sampah pukat dikutip di Shah Alam
Muka Surat	:	-



Berita  
 Sukan  
 Dunia  
 Hiburan  
 Bisnes  
 Rancangan  
 Wanita  
 Hujung Minggu  
 BH Kapsul  
 COVID-19 VAKSIN  
 PIN Sarawak

5x8

**BH ONLINE**  
 RUTU KAMAR DE

**BH**  
 App Store  
 Google Play

**BH**  
 App Store  
 Google Play

**BERITA**  
 BHPPLUS  
 Nasional  
 Kea  
 Politik  
 Pendidikan  
 Wilayah

**SUKAN**

**DUNIA**

**HIBURAN**

**BISNES**

**RENCANA**

**WANITA**

**HULJUNG MINGGU**

**MULTIMEDIA**  
 Foto  
 BHTV  
 Infografik

**LANGGAN**  
 Akhbar Digital  
 Akhbar BH

**PERKHIDMATAN**  
 Iklan Web  
 Iklasiifieds  
 NSTP KLIK

**RADIO**  
 Hot FM  
 Buletin FM  
 Fly FM  
 8FM

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi  
 Disclaimer



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991




<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Pascabanjir: Lebih 13,000 tan sampah pukal dikutip di Shah Alam
Muka Surat	:	-



Berita  
 Sukan  
 Dunia  
 Hiburan  
 Bisnes  
 Rancangan  
 Wanita  
 Hujung Minggu  
 BH Kapsul  
 COVID-19 VAKSIN  
 PIN Sarawak

Bhd



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi  
 Disclaimer



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com





CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 29 December 2021

Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Banjir: Tiada ban pecah di Taman Sri Muda
Muka Surat	:	-








**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	RM524,382 cek MPBPJ tidak ditunaikan
Muka Surat	:	-









**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**29 December 2021**

Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	3 negeri catat penurunan mangsa banjir
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**29 December 2021**

Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	Banjir: Longgokan sampah di Taman Sri Nanding sudah dibersihkan
Muka Surat	:	-







**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**29 December 2021**

Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	Nafi ban pecah, projek perumahan punca banjir
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**29 December 2021**

Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	Sampah pukal di Shah Alam, Sepang meningkat
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Angkara longkang pecah, Kajang tenggelam
Muka Surat	:	-







**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Banjir: 77 ahli Parlimen pembangkang gesa bentuk suruhanjaya khas
Muka Surat	:	-











**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Tiga negeri catat penurunan jumlah mangsa banjir, dua negeri kekal
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 30 December 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia Online
Tajuk Berita	:	Balai polis sekitar Shah Alam diserbu mangsa banjir
Muka Surat	:	-





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>29 December 2021</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia Online
Tajuk Berita	:	Banjir: Tiada ban pecah di Taman Sri Muda
Muka Surat	:	-







**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**30 December 2021**

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COMPOUND DISCOUNT
Muka Surat	:	2

## **COMPOUND DISCOUNT**

Selayang Municipal Council (MPS) is offering a RM10 discount on parking compounds until Dec 31. For details, call 03-6127 7595 (Suasa Efektif) or 03-6126 5800 / 5881 / 5882 (MPS).



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>30 December 2021</b>		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Landslides main worry of Ampang Jaya folk
Muka Surat	:	2

# Landslides main worry of Ampang Jaya folk

Residents in several areas also faced flash floods



By **SHALINI RAVINDRAN**  
 shaliniravindran@thestar.com.my

THE year may have started out relatively quiet for Ampang Jaya folk in Selangor, but the past few months have proved to be a challenging one indeed. Several natural disasters and the effects of the continuous rain on Dec 17 wreaked havoc and strained resources of the communities affected.

## Natural or man-made?

Three major incidents rocked the community this year, with some blaming it on Mother Nature, while others said it was the effects of development.

On Sept 17, a landslide in Kemensah Heights forced the evacuation of more than 100 residents. It affected three bungalows and 12 townhouses. No casualty was reported.

Initially, Energy and Natural Resources Minister Datuk Seri Takiyuddin Hassan had said that illegal renovations by homeowners had triggered this.

But some said the hill could have collapsed due to the diverging of Sungai Kemensah that flowed at the foot of the hill.

Coalition of Kemensah and Melawati Residents Associations chairman Mohd Fazil Abdullah told *StarMetro* that the landslide should be a wake-up call to the authorities for careful planning.

He called on the authorities to control the type of developments allowed on hillslopes.

Later, Environment and Water Minister Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man said the Drainage and Irrigation Department (DID) would carry out slope stabilisation and upgrading works at Sungai Kemensah estimated to cost RM10mil.

Selangor government also said that it would take up to three months for slope strengthening and stabilisation works to be completed, at an estimated cost of RM6mil.

